

SULIT



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2018/2019**

NAMA KURSUS	:	PSIKOLOGI PENDIDIKAN
KOD KURSUS	:	BBD 10202
KOD PROGRAM	:	BBA/BBB/BBC/BBD/BBE/BBF/BBG
TARIKH PEPERIKSAAN	:	DISEMBER 2018/ JANUARI 2019
JANGKA MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	JAWAB SEMUA SOALAN

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI SEMBILAN BELAS (19) MUKA SURAT

SULIT

TERBUKA

- S1** Psikologi sebagai satu sains tingkah laku yang berlandaskan pemerhatian dan pengubahsuaian persekitaran. Definisi psikologi ini dinyatakan oleh
- A John Dewey
 - B George Sanchez
 - C Frederic Skinner
 - D Leta Hollingworth
- S2** Manakah antara berikut adalah pernyataan yang tepat berkaitan psikologi pendidikan
- A pengajaran memerlukan pemahaman dan pemahaman memerlukan tarikan yang menarik dan kreatif
 - B memahami tingkah laku manusia dan proses-proses mental dalam pengajaran dan pembelajaran dalam konteks pendidikan
 - C pengajaran tertumpu kepada sekumpulan maklumat dan bagaimana maklumat tersebut dapat digunakan sebaiknya
 - D sesuatu pengalaman yang baru dan ianya menggabungkan tiga elemen penting dalam pendidikan iaitu seni visual, seni pergerakan dan juga seni muzik
- S3** Kajian yang dilakukan oleh tokoh William James mengenai psikologi pendidikan adalah berkaitan
- A menyarankan idea bahawa psikologi pendidikan hendaklah mempunyai asas saintifik
 - B istilah ‘*gifted*’ bagi pelajar yang mendapat markah yang sangat tinggi dalam ujian IQ
 - C konsep kendiri dan identiti bagi kanak-kanak Amerika berbangsa Afrika
 - D menekankan kepentingan membuat pemerhatian P & P dalam bilik darjah untuk memperbaiki pendidikan murid-murid
- S4** Manakah antara berikut merupakan definisi istilah yang tepat bagi perkataan fitrah
- A mengeluarkan sesuatu yang baru daripada keadaan tiada
 - B menyediakan persekitaran yang menyuburkan potensi yang baik dalam diri manusia
 - C sama erti dengan ‘tabiat’ yang bermaksud asal kejadian yang semulajadi dan kekal tidak berubah mengeluarkan sesuatu yang baru daripada keadaan tiada
 - D umat Islam percaya bahawa semua bayi lahir dalam keadaan suci dan bersih serta cenderung kepada kebenaran dan mengesakan Tuhan

**TERBUKA**

- S5** *Shahwah dan ghadab* boleh disalurkan menjadi positif dimana
- A kebaikan dan faedah dalam sesuatu perkara di dunia dalam diri manusia
B bergantung kepada keupayaan seseorang mengawal tarikan luar iaitu akal atau syaitan
C ianya merupakan komponen-komponen asal yang bertungkus-lumus melakukan kerja-kerja penasihatan serta kawalan
D dalam diri manusia terdiri daripada unsur tabi'e diri yang bercampur antara 'kemalaikatan' dan 'kehaiwanan'
- S6** Ianya membahaskan isu intipati kerohanian manusia serta asal-usul kejadiannya yang mengakui kewujudan Tuhan, cinta sesuatu yang baik dan sentiasa melawan keburukan yang sentiasa ada dalam dirinya dan luarannya. Pernyataan ini merujuk kepada
- A roh
B akal
C nafsu
D fitrah
- S7** Berikut merupakan padanan tepat mengenai ciri-ciri keseimbangan yang ada dalam diri manusia, kecuali
- | | Unsur kemalaikatan | Unsur kehaiwanan |
|---|--------------------|------------------|
| A | ketaqwaan | kemungkaran |
| B | kemewahan | kesederhanaan |
| C | ketenangan | bermusuhan |
| D | ketaatan | kebencian |
- S8** Manakah antara berikut merupakan ciri-ciri tepat berkaitan baka, kecuali
- A menentukan potensi dan struktur organ seseorang individu
B ciri-ciri fizikal anak adalah bersamaan dengan ciri-ciri fizikal ibu bapa
C merupakan gen ibu bapa kepada anak-anak
D memperjuangkan pendidikan yang berdaya saing untuk semua latar belakang kanak-kanak

- S9** Berikut merupakan padanan yang tepat mengenai perbezaan antara pertumbuhan dan perkembangan, kecuali

	Pertumbuhan	Perkembangan
A	proses yang berterusan sepanjang hayat	orang tua berumur 80 tahun mengalami proses perubahan dari segi mempelajari cara berinteraksi dengan cucunya
B	dipengaruhi oleh baka dan persekitaran. baka menentukan had perkembangan, manakala persekitaran akan menolong perkembangan mencapai tahap yang maksimum	kanak-kanak yang dilahirkan dengan bakat melukis tetapi tanpa persekitaran yang memupuk bakat ini mungkin tidak boleh mencapai potensinya sebagai pelukis
C	tumbuhnya perasaan suka, duka, marah,sayang dan sebagainya	perubahan yang dialami adalah dari segi fungsi jasmani, emosi, mental dan sosial
D	proses perubahan yg berlaku akibat tindakan saling kait antara perkembangan jasmani dan pembelajaran	apabila kaki kanak- kanak telah kuat dan mampu memikul berat badan sendiri, barulah dia bersedia untuk belajar berjalan

- S10** Berikut merupakan tahap-tahap perkembangan emosi Teori Erikson, susun kategori dibawah mengikut tahap umur bayi hingga 12 tahun dengan tepat.

- I Inisiatif lawan bersalah
 - II Autonomi lawan malu/kekeliruan
 - III Ketekunan lawan rasa rendah diri
 - IV Kepercayaan lawan ketidakpercayaan
- A IV, I, II, III
 B IV, II, I, III
 C I, IV, III, II
 D I, III, IV, II

- S11** Berikut merupakan padanan yang tepat mengenai ciri perkembangan berserta contoh yang sesuai, kecuali

	Ciri Perkembangan	Contoh Perkembangan
A	Tinggi, saiz, berat dan bilangan gigi bertambah	Bertambah kemahiran menggunakan anggota seperti berjalan, berlari dan melompat
B	Berkembangnya kemahiran menggunakan perkataan bahasa, angka dan ingatan	Kanak-kanak di dunia boleh merangkak pada peringkat umur satu tahun, berjalan pada umur dua tahun dan bertutur pada umur tiga tahun
C	Tumbuhnya perasaan suka, duka, marah,sayang dan sebagainya	Berupaya menguasai perasaan dan mengawal perasaan ketika marah atau cemburu
D	Mula berinteraksi dengan ahli-ahli bukan keluarga	Menyedari perbezaan antara lelaki dan perempuan serta peranannya


TERBUKA

S12 Manakah antara berikut yang dinyatakan oleh tokoh John Dewey (1859-1952) mengenai psikologi pendidikan, kecuali

- A melihat kanak-kanak sebagai pelajar yang aktif
- B memperjuangkan pendidikan yang berdaya saing untuk semua latar belakang kanak-kanak
- C menekankan kepentingan membuat pemerhatian P&P dalam bilik darjah untuk memperbaiki pendidikan murid-murid.
- D menekankan kebolehan semula jadi kanak-kanak melalui persekitaran

S13 Manakah antara elemen berikut yang perlu guru titik beratkan untuk memastikan proses Pengajaran dan Pembelajaran lebih berkesan, kecuali

- A emosi
- B motivasi
- C kemahiran
- D pengetahuan

S14 Manakah antara berikut merupakan prinsip-prinsip Teori Erikson, kecuali

- A manusia mempunyai keperluan asas yang sama
- B perkembangan manusia mengikut tahap-tahap yang tertentu
- C setiap tahap mempunyai konflik dan konflik ini mesti diatasi
- D kebolehan semula jadi kanak-kanak mengadaptasi dengan persekitaran

S15 Apakah yang dimaksudkan dengan tempamen?

- A Personaliti dapat diukur melalui teknik sosiometri seperti dyad, klik, rantai, pencilan atau singkir
- B Traits atau personaliti diri yang merangkumi emosi, tingkah laku dan diwarisi dari ibu bapa
- C Keadaan fizikal individu semasa melakukan aktiviti (seperti keletihan atau berstamina)
- D Variasi yang dapat diperhatikan di kalangan ahli-ahli satu kumpulan dari beberapa aspek seperti tenaga, pola persahabatan dan hubungan kekeluargaan

S16 Teori ini menyatakan tugas perkembangan bermaksud jangkaan dan harapan ibu bapa serta masyarakat. Pernyataan ini merujuk kepada teori

- A Ekologi Bronfenbrenner
- B Arnold Gessel
- C Havigurst
- D Psikososial Erikson



S17 Teori Psikososial Erikson menyatakan bahawa

- A mengikut urutan dan pola tertentu
- B baka sebagai penggerak utama dalam perkembangan individu
- C tugas perkembangan bermaksud jangkaan dan harapan ibu bapa serta masyarakat
- D Seseorang kanak-kanak melalui lapan tahap perkembangan dalam hidup yang penuh dengan krisis

S18 Antara berikut merupakan perbezaan individu dari segi pola persahabatan, kecuali

- A aktiviti persahabatan atau sosialisasi
- B hubungan menegak/menerusi ibu bapa dan melintang/sosial dan masyarakat
- C diukur melalui teknik sosiometri seperti dyad, klik, rantai, pencilan atau singkiran
- D berkembangnya keupayaan memikirkan tentang banyak perkara dalam kumpulan

S19 Antara berikut menghuraikan definisi roh dengan tepat, kecuali

- A roh, nafsu dan akal adalah satu dimana ianya digabungkan
- B roh perlu diasuh sehingga ia bersetuju untuk mengajak kepada kebaikan
- C roh berperasaan seperti sedih, gembira, senang, terhibur, marah atau sebagainya
- D roh diuji dengan nafsu untuk mengetahui siapakah yang bersungguh-sungguh menyucikan diri

S20 Perbezaan individu dapat dilihat menerusi pola-pola tingkahlaku, temperamen, dan tenaga. Selain itu ciri ini juga adalah impak kepada perbezaan individu, kecuali

- A fizikal
- B pendidikan
- C ekonomi
- D persekitaran

S21 Antara berikut merupakan elemen-elemen dalam perbezaan individu, kecuali

- A tenaga
- B personaliti
- C pola persahabatan
- D hubungan persekitaran

S22 Antara berikut Teori Perkembangan Psikososial Erikson, kecuali

- A moral
- B sosial
- C kendiri
- D emosi

S23 Antara berikut, peranan anda sebagai guru dalam menghadap perbezaan pelajar anda, kecuali

- A pemilihan kaedah kumpulan
- B peneguhan positif dan negatif
- C kepelbagaiannya bentuk penilaian
- D mula berinteraksi keluarga pelajar

S24 Teori ini memfokuskan kepada baka sebagai penggerak utama dalam perkembangan individu. Beliau percaya bahawa kematangan fizikal pentingnya alam dalam kelancaran proses pembelajaran. Kebolehan anak akan muncul mengikut perkembangan dan kematangan masing-masing. Pernyataan ini merujuk kepada Teori

- A Ekologi Bronfenbrenner
- B Arnold Gessel
- C Havigurst
- D Psikososial Erikson

S25 Tokoh psikologi ini merupakan tokoh pertama yang memulakan inisiatif di mana beliau menekankan penilaian dan pengukuran dalam proses pembelajaran

- A Dewey
- B James
- C Skinner
- D Thorndike

S26 Manakah antara berikut menunjukkan ciri-ciri guru berkesan dari segi pengetahuan dan kemahiran ikhtisas, kecuali

- A melaksana strategi pengajaran yang bersesuaian
- B asas saintifik dan pengukuran mestilah menjadi fokus utama
- C membawa sikap-sikap positif dan semangat juang yang tinggi ke dalam bilik darjah
- D meletak matlamat yang tinggi untuk dirinya dan murid-murid serta membuat perancangan awal sebelum proses P&P

S27 Berikut merupakan tahap-tahap perkembangan emosi Teori Erikson. Susun kategori dibawah mengikut tahap umur bayi hingga 12 tahun dengan tepat.

- A Hati, nafsu dan roh
- B Hati, nyawa dan akal
- C Hati, nafsu dan akal
- D Hati, jiwa dan roh

S28 Personaliti juga dapat diklasifikasikan kepada tiga kumpulan yang utama iaitu ekstrovert, introvert dan ambivert. Definisi personaliti secara umum adalah

- A sahsiah, keperibadian, atau perwatakan seseorang
- B tingkahlaku seseorang terhadap situasi
- C sikap individu terhadap perangai seseorang
- D emosi individu yang memerlukan kelakuan yang baik

S29 “Apabila seseorang melakukan satu tabiat kebiasaan yang dilakukan dan menggambarkan ciri peribadinya akan dijelmakan dengan kehidupan sehari-hari mereka”

Penyataan di atas ini menggambarkan personaliti berbentuk?

- A Personaliti tingkahlaku
- B Personaliti diri sebenar
- C Personaliti sikap
- D Personaliti kecerdasan

S30 Kajian yang dilakukan oleh tokoh Hans Eysenck (1981) mengenai personaliti adalah berkaitan

- A IQ dan kecerdasan minda yang cerdas
- B corak berfikir, tingkah laku yang sesuai dengan alam sekitar
- C organisasi, watak, perangai, bentuk badan dan penyesuaian dengan persekitaran
- D dinamik tingkah laku yang mempengaruhi sikap dan kualiti individu

S31 Manakah antara berikut menunjukkan watak seseorang individu yang boleh dilihat melalui perlakuannya?

- A Melaksana strategi pengajaran organisasi watak, perangai, intelek, bentuk badan, cara pemikiran, perasaan dan tingkah laku seseorang individu yang bersesuaian
- B Kerjasama, agresif, pasif, tenang, cemas, tanggungjawab, terbuka, mudah mesra
- C Pasif, gemar berseorangan, pemalu, sensitif, cermat reflektif atau sentiasa berfikir terlebih dahulu sebelum menjalankan sesuatu
- D Kejujuran, toleransi, belas kasihan dan hormat menghormati

S32 Tokoh psikologi Carl Jang menyatakan bahawa individu yang berpersonaliti menonjolkan ciri-ciri seperti relaks, gemar kepada keseronokan, suka bercampur gaul, aktif, inovatif atau gemar kepada perubahan, gemar akan aktiviti-aktiviti luar, mudah bercakap, cepat bertindak balas, tidak mudah bimbang dan mempunyai ciri-ciri kepimpinan. Jenis apakah personaliti ini?

- A Ekstrovert
- B Ambibert
- C Introvert
- D Binvert

S33 Terdapat beberapa cadangan yang dikemukakan oleh pakar-pakar psikologi bertujuan supaya para pendidik dapat menggunakan ketika proses pembelajaran berlaku bagi menolong seorang introvert, kecuali

- A melibatkan pelajar tersebut di dalam aktiviti yang mudah di mana dia akan menikmati perasaan kejayaan
- B membantu pelajar trampil kehadapan dengan berani bercakap di khalayak umum
- C menanamkan sifat yakin kepada diri sendiri dan sanggup mengambil risiko
- D menghentikan segala ejekan seperti ‘bodoh’ , ‘si gemuk’ atau lain-lain perkataan yang menyinggung perasaan pelajar tersebut yang pernah digunakan untuknya

S34 Manakah antara elemen berikut yang mempunyai ciri-ciri elemen konsep kendiri yang positif?

- A Kurang berkeyakinan terhadap diri sendiri dan tidak berani mencuba
- B Motivasi berpanjangan
- C Bersifat tenang dan penuh ketabahan menghadapi cabaran
- D Pengetahuan yang tinggi untuk membantu diri berkembang dengan jayanya

S35 Mekanisma helah bela diri yang diperkenalkan oleh Davdoff (1976) menyatakan helah atau taktik untuk memberi alasan tentang sesuatu tindakan, kecuali

- A perlindungan atau pembelaan diri terhadap perbuatan yang dilakukan
- B konsep atau tanggapan tentang maruah dirinya yang perlu dipelihara
- C melindungi keadaan sebenar daripada pengetahuan umum
- D memberi maklumat tentang apa yang perlu dilakukan pada orang lain

S36 Manakah antara berikut merupakan definisi istilah yang tepat bagi konsep kendiri?

- A Pandangan kekuatan dan kelemahan diri serta disokong dengan maklumbalas tentang diri
- B Bekerja sendiri tanpa dipandu oleh orang lain
- C Interaksi antara diri sendiri dengan orang sekeliling
- D Sedia menerima teguran dan dikritik

- S37** Cara seseorang menyalurkan kekecewaan kekurangan atau kekosongan yang dialami kepada aktiviti lain yang sihat. Halah ini dinamakan
- A rasionalisasi
 - B sublimasi
 - C pemindahan
 - D introjeksi
- S38** Manakah antara berikut yang merupakan helah bela diri aktif?
- A Mengelak daripada sesuatu yang tidak disukai
 - B Sahsiah tidak seimbang dan mempunyai kompleks diri yang rendah
 - C Melakukan suatu aktiviti yang hampir sama dengan aktiviti yang asalnya tidak dapat dijalankan
 - D Menggunakan orang lain sebagai pengganti sesuatu acara
- S39** Siapakah tokoh yang menyatakan semasa kecil manusia bertindak mengikut umur kecilnya, manakala bila dewasa, manusia bertindak ketika umur dewasa?
- A Perkins
 - B Vernon
 - C Amir Awang
 - D Stewart dan Friedman
- S40** Manakah antara berikut merupakan faktor yang mempengaruhi konsep kendiri negatif?
- A Pencapaian akademik rendah dan kurang mendapat pujian
 - B Persekutaran yang kurang baik
 - C Rakan-rakan yang berkelakuan jahat yang menjadi teman karib
 - D Ibu bapa berjawatan tinggi dan berkedudukan
- S41** Cara-cara guru membantu membentuk konsep kendiri positif dalam kalangan pelajar adalah
- A membuat kerja bersama-sama dengan pelajar
 - B memberi dorongan, bantuan dan sokongan kepada usaha pembelajarannya
 - C menyediakan kawasan kondusif dalam kelas
 - D guru-guru yang sentiasa membimbing pelajar dalam pembelajaran
- S42** Manakah antara berikut adalah Teori Tingkah Laku?
- A Psikologi melibatkan kemahiran
 - B Psikologi adalah kelakuan manusia
 - C Psikologi bukan sains minda
 - D Psikologi bersifat maujud



TERBUKA

S43 Berikut adalah tokoh-tokoh dalam mewujudkan Teori Tingkah Laku, kecuali

- A Thorndike
- B Skinner
- C Watson
- D Bruner

S44 Normah setiap hari akan menyapu sampah dan mengemop rumahnya kerana tidak boleh melihat rumah bersepah. Normah akan segera mengemasnya. Tindakbalas ini dikenali sebagai

- A Perlaziman Operan
- B Perlaziman Rangsangan
- C Perlaziman Tindakbalas
- D Perlaziman Klasik

S45 Berikut merupakan ciri-ciri yang ada dalam Teori Perlaziman Klasik Pavlov, kecuali

- I proses mempelajari sesuatu yang belum diketahui tidak melibatkan unsur-unsur dalaman manusia iaitu akal dan jiwa
- II melakukan kerja secara lazim dan secara teratur
- III tindakbalas secara automatik atau tanpa sedar terhadap rangsangan
- IV menghapuskan rasa takut dan respon yang tidak diingini

- A I, II
- B II, IV
- C I, III, II
- D I, II, III, IV

S46 Manakah antara berikut merupakan konsep rangsangan dan tindak balas?

- A Rangsangan yang tidak seronok dan menyakitkan
- B Rangsangan yang berulang suatu tingkah laku
- C Sesuatu tindakan dan rangsangan yang melibatkan perasaan dan tindakbalas
- D Rangsangan yang diberikan bertempoh

S47 Perubahan tingkah laku yang agak kekal akibat pengalaman/ akibat. Siapakah tokoh yang menyatakan definisi ini?

- A Morris L. Bigge
- B Morgan dan King
- C Anita E. Woolfick
- D Rozahni Yaacob

S48 Definisi pengajaran adalah

- I satu proses yang merangkumi aktiviti perancangan, perlaksanaan, penilaian dan maklumbalas
 - II antara guru dan pelajar
 - III menyebarkan ilmu dan pengetahuan
 - IV pembelajaran berterusan
-
- A I, II
 - B II, IV
 - C I, II, III
 - D I, II, III, IV

S49 Berikut merupakan ciri-ciri yang ada dalam model pembelajaran langsung, kecuali

- I kadar berpusat pada guru adalah tinggi
 - II ceramah, kuliah, latihan praktikal, serta demonstrasi
 - III berpusatkan guru secara langsung
 - IV berbentuk intergrasi
-
- A I, II
 - B II, IV
 - C III, IV
 - D I, II, III

S50 Teori ini memfokuskan hasil daripada pemerhatian dan ujian ke atas haiwan serta ditumpukan dengan rangsangan. Pernyataan ini merujuk kepada Teori Pembelajaran

- A Sosial
- B Kognitif
- C Behavioris
- D Humanis

S51 Pemerhati harus berupaya mengekalkan tingkah laku yang diperhatikan dalam ingatan. Melalui penggunaan bahasa dan imaginasi. Proses ini merupakan peringkat keberapa dalam pembelajaran pemerhatian?

- A Permerhatian
- B Penyimpanan
- C Reproduksi
- D Sosial

S52 Sumbangan teori tingkah laku dalam pembelajaran dan pengajaran adalah

- A melahirkan pelajar yang berdaya saing
- B membantu pelajar tahu kekuatan diri sendiri
- C menilai kompetensi pelajar berdasarkan kemahiran yang dimiliki
- D bakat pelajar terselah melalui aktiviti dalam kelas

S53 Manakah antara teori pembelajaran berikut yang menyatakan peranan anda sebagai guru perlu membimbing pelajar supaya potensi pelajar dapat dikembangkan?

- A Sosial
- B Humanis
- C Kognitif
- D Tingkah laku

S54 Antara berikut merupakan pembelajaran formal, kecuali

- A sistem pendidikan secara formal dan tersusun
- B guru terlatih dan mengikuti piawai yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia
- C interaksi sosial dan individu
- D mengembangkan potensi pelajar secara menyeluruh

S55 Antara berikut yang manakah definisi kognitif?

- A Penganggapan dan penyelesaian masalah
- B Membaca dan menganalisis
- C Belajar melalui pengalaman
- D Menterjemahkan imaginasi

S56 Dalam proses kognitif, maklumat atau peristiwa yang diterima boleh diuraikan mengikut beberapa tahap iaitu, kecuali


- A proses persepsi
- B proses pemikiran
- C proses mengingat
- D proses pengalaman

S57 Yang manakah antara berikut fungsi otak kiri?

- I Memahami matematik
- II Suka berkhayal
- III Menganalisis fakta
- IV Berfikir secara kreatif

- A I, III
- B II, IV
- C I, IV
- D I, II, III

S58



Rajah S58

Merujuk Rajah S58, nyatakan ingatan X dan ingatan Y

	Ingatan X	Ingatan Y
A	Ingatan Sementara	Ingatan Kekal
B	Ingatan Kekal	Ingatan Sementara
C	Ingatan Kekal	Ingatan Deklaratif
D	Ingatan Semantik	Ingatan Sementara

S59 Yang manakah antara berikut strategi yang sesuai dengan Teori Pembelajaran Kognitif?

- A Pembelajaran Berasaskan Masalah
- B Ulangkaji
- C Pembelajaran Masteri
- D Teknik Mnemonic

S60 Otak Y merupakan otak kecil yang menjadi pusat kepada koordinasi otot dan keseimbangan badan, serta mengawal proses pernafasan. Apakah otak Y?

- A Otak Belakang
- B Otak Kanan
- C Otak Kiri
- D Otak Hadapan

S61 Apakah maksud Ingatan Kekal?

- A Kebanyakan manusia tidak boleh mengingatkan senarai nombor, warna @ lain-lain benda lebih daripada tujuh
- B Rangsangan yg diterima masuk ke dlm deria ditafsirkan sbg pengalaman
- C Maklumat akan hilang melalui gabungan kedua-dua kesan iaitu kepudaran dan gangguan
- D Melalui latihan dapat mengatasi masalah ini dengan mengulangi maklumat yg diterima beberapa kali

S62 Pemikiran Y dapat menyelesaikan masalah “tertutup” sahaja kerana hanya satu jawapan yang betul dan tepat diperlukan setelah mengambil kira segala kemungkinannya. Apakah Pemikiran Y tersebut?


- A Pemikiran Konvergen
- B Pemikiran Divergen
- C Pemikiran Induksi
- D Pemikiran Deduksi

S63 Yang manakah antara berikut ciri pemikiran kritis?

- I Penilaian
 - II Analisis
 - III Berfikir secara logik
 - IV Aplikasi
-
- A I, II, III
 - B II, IV
 - C I, IV
 - D I, III

S64 Susun ikut peringkat-peringkat pemikiran kreatif yang telah dinyatakan oleh Wallas (1962)

- I Peringkat Penyinaran
 - II Peringkat Pengeraman
 - III Peringkat Pengesahan
 - IV Peringkat Penyediaan
-
- A IV, I, II, III
 - B IV, II, I, III
 - C I, II, III, IV
 - D I, III, IV, II

S65**Rajah S65**

Nyatakan proses pemikiran bagi Rajah S65.

- A Proses Pemikiran Induksi
- B Proses Pemikiran Kreatif
- C Proses Pemikiran Induktif
- D Proses Pemikiran Kritis

S66 Apakah ciri-ciri motivasi intrinsik?

- I Berminat belajar secara suka rela
 - II Senang membuat tugas
 - III Tekun belajar
 - IV Keinginan mencapai cita-cita
-
- A I, IV
 - B I, II, III, IV
 - C I, II, III
 - D I, II, IV

S67 Irwan suka membaiki kipas-kipas jiran yang rosak. Domain taksonomi yang manakah paling dominan untuk kesediaan belajar Irwan?

- A Afektif
- B Kreatif
- C Kognitif
- D Psikomotor

S68 Kenapakah setiap pelajar perlu diterapkan dengan motivasi semasa proses pengajaran dan pembelajaran?

- A Mengelakkan minat
- B Meningkatkan pencapaian
- C Mengingati kandungan dengan lebih baik
- D Membantu kerja secara *hand-on*

S69 Berikut adalah faktor yang mempengaruhi motivasi, kecuali

- A motivasi dengan minat
- B motivasi dengan desakan
- C motivasi dengan inkuiiri
- D motivasi dengan hobi

S70 Apakah kelebihan pengajaran berpusatkan pelajar?

- I Pelajar lebih aktif
 - II Menerapkan kaedah perbincangan
 - III Mengurangkan tugas guru mengajar
 - IV Pengetahuan diperolehi daripada pengalaman
-
- A II, III, IV
 - B I, III
 - C I, II, IV
 - D I, II, III

S71 Apakah maksud pembelajaran informal?

- A Didedahkan daripada pengalaman dan persekitaran
- B Kurikulum berstruktur dan terancang
- C Digunakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia
- D Seminar dan ceramah di sekolah

S72 Yang manakah antara berikut membawa maksud pencerapan daripada pancaindera dan membentuk gambaran di dalam hati?

- A Pengamatan
- B Penanggapan
- C Pengajaran
- D Pembelajaran

S73 Nyatakan faktor-faktor yang menyebabkan seseorang individu berlakunya lupaan.

- I Dipengaruhi perasaan bimbang
 - II Topik tidak diminati
 - III Perubahan persekitaran
 - IV Wujud rasa takut
-
- A I, II, III, IV
 - B II, III, IV
 - C I, II, III
 - D I, II, IV

S74 Apakah ciri-ciri dimensi *Assimilative*?

- I Bersifat logik
 - II Sistematik
 - III Membina penaakulan induktif
 - IV Bersifat analitikal
-
- A I, IV
 - B I, II, III, IV
 - C I, II, III
 - D I, II, IV

S75 Erfy seorang yang suka memikir, memerhati dan gemar membuat refleksi kendiri. Nyatakan jenis gaya pembelajaran tersebut.

- A Aktivis
- B Pragmatis
- C Teoris
- D Reflektif

S76 Berdasarkan Gaya Pembelajaran Kolb, yang manakah antara berikut proses yang sesuai bagi pelajar yang sukaan cabaran dalam menyelesaikan masalah?

- A *Assimilative*
- B *Divergent*
- C *Accommodative*
- D *Convergent*

S77 Berikut adalah pernyataan mengenai Gaya Pembelajaran Model Felder-Silverman, kecuali

- A gaya pembelajaran yang sesuai untuk pelajar jurusan teknikal
- B mempunyai empat dimensi yang bertentangan
- C visual adalah sebahagian daripada dimensi model ini
- D diperkenalkan oleh Ricky Felder (1987)

S78 Berikut adalah instrumen bagi menguji gaya pembelajaran pelajar, kecuali

- A *Kolb Learning Style Inventory*
- B *Herman Brain Dominance Instrument*
- C *Intrinsic Motivation ARCS Model Questionnaire*
- D *Myers-Briggs Type Indicators*

S79 Apakah ciri-ciri gaya pembelajaran visual?

- I Belajar lebih baik dengan melihat
 - II Mendengar perkatan dan arahan lisan
 - III Menulis nota jika ingin mengingati sesuatu
 - IV Mengingati sesuatu lebih baik secara *hand-on*
-
- A IV, I
 - B I, III
 - C I, II, III
 - D I, II

S80 Berikut adalah jenis pemikiran induksi, kecuali

- A hujah dikatakan mempunyai *deductive validity* jika dan hanya jika ia mustahil untuk benar
- B sesuatu hujah atau perkara yang bermula dari sesuatu yang spesifik kepada sesuatu yang lebih umum
- C pemikiran ini mempunyai kesimpulan yang mengandungi maklumat baru
- D pemikiran ini berhubungkait dengan *probable truth*

-SOALAN TAMAT-